

22 SEP 2003

Mahathir-Islam/I

UMAT ISLAM KINI ABAIKAN ILMU - DR MAHATHIR

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 22 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam kini mengabaikan amalan menuntut ilmu yang satu ketika dulu telah menjadikan mereka umat yang gagah disebabkan para cendekiawan pada masa ini mentafsirkan bahawa menuntut ilmu hanya membabitkan bidang agama dan mengetepikan perkara-perkara yang kononnya tiada kaitan dengan agama.

Ketika berucap kepada pemimpin dan ahli akademik Islam di Sekolah Pengajian Afrika dan Timur di Bangunan Galeri Brunei di sini, Dr Mahathir berkata Islam tidak perlu direvolusikan kerana ia sudah tersedia sebagai agama sempurna sepanjang zaman, bagaimanapun masalah yang timbul hari ini adalah akibat tafsiran salah mengenai Islam.

"Kita perlu menyedari bahawa masalah yang kita hadapi sekarang bukan kerana sudah ditakdirkan. Ia adalah akibat perbuatan kita sendiri. Kita mengabai dan membuat tafsiran salah mengenai Islam sedangkan kita sepatutnya menimba ilmu yang dapat membantu kita menentang serangan ke atas kita," katanya.

Dr Mahathir menggesa umat Islam kembali kepada asas-asas Islam yang tidak boleh diubah walau bagaimana sekalipun Islam ditafsirkan.

"Umat Islam adalah bersaudara. Ini penting. Tetapi keadaannya tidak begitu. Kita sanggup menuduh orang lain kafir dan sanggup berbunuhan sesama sendiri. Islam bermaksud aman. Kita mendoakan kesejahteraan sesama kita. Ini juga penting," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata Islam secocok dengan amalan demokrasi memadamkan Nabi Muhammad tidak mewujudkan dinastinya sendiri tetapi menyerahkan kepada pengikutnya untuk memilih seorang pemimpin di kalangan mereka.

Dr Mahathir berkata: "Orang boleh berkata satu sistem di mana pemimpin dipilih melalui pilihan raya, tanpa mengira keturunan, adalah lebih Islam daripada yang lain. Setelah dipilih, seorang pemimpin mesti menjaga ummahnya dengan memastikan mereka mempunyai makanan, pakaian dan tempat perlindungan yang selamat daripada ancaman dalaman dan asing.

Sambil menyuarakan sokongannya kepada demokrasi, Dr Mahathir juga membidas pendokong pemodenan yang mahu meniru orang Eropah sehingga percaya bahawa umat Islam hanya boleh mengembalikan kecemerlangan mereka dengan meminggirkan Islam dan menjadi sekular.

Dr Mahathir berkata reformis ini terlalu terpengaruh dengan pengasingan gereja dan negara mengikut pemikiran Eropah.

"Ia mungkin betul dalam konteks Kristian. Ia mustahil dalam dunia Islam. Islam adalah cara hidup dan cara hidup tidak boleh memisahkan rohani dan material. Apa sahaja yang dilakukannya adalah cara hidup. Dan pastinya sistem kerajaan sesebuah negara dan pembangunan yang dijalankan merupakan cara hidup," katanya.

Dr Mahathir menggesa umat Islam supaya berhenti daripada menekankan bentuk daripada kandungan, dan kembali kepada asas-asas Islam, penguasaan ilmu, persaudaran sesama Islam, cara hidup dan pentingnya ajaran al-Quran dan hadis Nabi.

"Malah dalam pemodenan juga mereka melihat kepada bentuk," katanya.

Bagi memenuhi bentuk ini, pakaian diterjemahkan sebagai pakaian Arab dan menolak pakaian sejagat berupa kot dan seluar yang kononnya tidak Islam, menguasai ilmu Islam merupakan satu-satunya usaha yang perlu manakala penggunaan senjata lama ketika perang sudah mencukupi untuk melindungi umat Islam.

Dr Mahathir bertanya apakah yang akan berlaku seandainya umat Islam terus membeli senjata daripada pihak lain, termasuk musuh.

Beliau kemudiannya menjawab: "Pastinya mereka mesti mempunyai keupayaan untuk mereka cipta dan menghasilkan keperluan pertahanan sendiri. Untuk menjayakannya mereka mesti mempelajari Sains, Matematik, Teknologi dan seterusnya ... Ia wajar dianggap sebagai ibadah di kalangan individu dan masyarakat."

Dr Mahathir berkata umat Islam mempunyai dua obligasi iaitu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah.

Sambil menekankan kepada Fardhu Kifayah, beliau berkata: "Umat Islam bukan hanya bertanggungjawab kepada diri sendiri. Dia milik masyarakat Islam. Kebajikan umat merupakan tanggungjawab semua umat Islam. Jika kebajikan tidak diberi perhatian oleh individu atau secara kolektif oleh masyarakat, seluruh masyarakat berdosa. Itulah yang dimaksudkan dengan fardhu kifayah.

Dalam hubungan itu, Dr Mahathir berkata ia boleh mencetuskan masalah besar, seperti seorang wanita yang gagal mengemukakan saksi untuk menyokong dakwaan dia telah dirogol.

"Jika wanita itu tidak dapat mengemukakan empat saksi, dia didapati bersalah kerana membuat dakwaan palsu dan boleh disebat. Andai dia melahirkan anak, maka dia telah melakukan zina dan boleh dihukum rejam sampai mati. Jelasnya ini bertentangan dengan ajaran Islam untuk membuat penghakiman yang adil. Namun golongan ortodoks berkeras bahawa prosedur ini mesti dipatuhi walaupun tidak adil," katanya.

Dr Mahathir mengesga supaya wujud keseimbangan antara peranan cendekiawan dan guru dan pentingnya makanan, pakaian dan perlindungan, kesihatan dan keselamatan.

Pada awal ucapan Perdana Menteri yang bertajuk Islam dan Ummah, menilai semua diri sendiri dalam menghadapi cabaran baru", Dr Mahathir berkata beliau berharap ucapannya tidak menyinggung mana-mana pihak memandangkan tajuk itu sangat sensitif dan kontroversi.

Sebagai kesimpulannya, Dr Mahathir berkata walaupun Islam sempurna, sikap umat Islam terhadap agama perlu dikaji semula bagi mengembalikan kehebatan Islam.

"Adakah usaha ini sukar dilakukan?" tanya Dr Mahathir.

"Jika kita berfikir secara rasional, kita mesti mengakui ia boleh dilakukan. Apa yang kita dapat selepas hampir 100 tahun berperang? Tidak ada apa-apa. Malah kemarahan kita juga tidak reda. Malah kita menjadi semakin marah."

Merujuk jelas kepada keganasan dan pengebom berani mati, Dr Mahathir bertanya "wajarkah kita bertindak melulu, membunuh orang yang tidak bersalah, termasuk mereka yang bersimpati dengan kita? Tidak wajarkah kita berhenti untuk berfikir, merancang dan membuat strategi untuk mencapai kemenangan mutlak?"

Beliau berkata tidak ada kewajarannya umat Islam dilabel sebagai pengganas, dan ini bukan ditakdirkan tetapi dilakukan sendiri, oleh itu umat Islam mesti kembali kepada ajaran sebenar Nabi dan menjadi pemikir dan bukan beremosi.

"Dan Allah telah mewarisi kita dengan kekayaan melampaui imaginasi kita. Kita mempunyai kekuatan yang mesti dikenal pasti dan digunakan dengan bijaksana," katanya.

-- BERNAMA

WAH KHY LAT